

Dasar responsif, bertanggungjawab, reformis berjaya pulihkan ekonomi negara

Oleh Suzalina Halid - Ogos 10, 2022 @ 5:48pm
suzalina@bh.com.my



Dokumen Taklimat Khas Khas Sempena Setahun Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memegang jawatan Perdana Menteri.

KUALA LUMPUR: Dasar ekonomi diterapkan kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang berteraskan pendekatan responsif, bertanggungjawab dan reformis, terbukti berjaya memulihkan ekonomi negara.

Berdasarkan dokumen taklimat khas pada 4 Ogos lalu yang diedar hari ini, ekonomi Malaysia terus menunjukkan pemulihan yang kukuh dan kekal berdaya saing sejak suku keempat tahun lalu, iaitu ketika pentadbiran kerajaan mula berada di bawah pimpinan Ahli Parlimen Bera berkenaan.

Ismail Sabri mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri kesembilan di hadapan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah di Istana Negara pada 21 Ogos 2021.

Kejayaan dasar ekonomi di bawah kerajaan pimpinannya dibuktikan melalui laporan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang meningkat kepada 5.0 peratus pada suku pertama tahun ini.

Perkembangan baik itu disokong beberapa indikator ekonomi yang memberangsangkan, membabitkan prestasi perdagangan borong dan runcit yang terus mengukuh, perdagangan luar (import dan eksport) dan aliran masuk pelaburan langsung asing bersih (FDI).

Walaupun berdepan pelbagai cabaran sejak Ogos 2021, laporan itu menunjukkan, KDNK terus mencatatkan pemulihan sebanyak 3.6 peratus pada suku keempat 2021, disusuli pertumbuhan KDNK 5.0 peratus pada suku pertama tahun ini.

"Perdagangan borong dan runcit meningkat 19.9 peratus tahun ke tahun kepada RM129.8 billion, disokong jualan perdagangan runcit sebanyak 29.9 peratus, kenderaan bermotor 20.1 peratus dan perdagangan borong 11.7 peratus.

"Jumlah perdagangan luar pula melebihi RM2 trilion pada 2021 dan ia kadar pertumbuhan terpantas sejak 1994. Perdagangan luar meningkat 43.3 peratus tahun ke tahun kepada RM270.4 bilion pada Jun, iaitu bulan ke-17 pertumbuhan dua angka sejak Februari 2021.

"Aliran masuk FDI bersih untuk 2021 pula RM48.1 bilion, mengatasi tahun sebelum wabak COVID-19. Malah bagi suku pertama 2022 sahaja, nilai itu adalah hampir separuh bagi keseluruhan tahun 2021, iaitu melebihi RM24 bilion," katanya.

Semua kejayaan itu mencerminkan keyakinan komuniti pelabur antarabangsa terhadap dasar kerajaan Keluarga Malaysia serta prospek pertumbuhan ekonomi negara.

Malah semua pencapaian terbabit akan menjadikan Malaysia kekal pada landasan pemulihan yang kukuh, dan negara diyakini akan mencapai unjuran pertumbuhan KDNK 5.3 hingga 6.3 peratus bagi tahun ini.



Dasar ekonomi diterapkan kerajaan di bawah pentadbiran Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang berteraskan pendekatan responsif, bertanggungjawab dan reformis, berjaya memulihkan ekonomi negara.

Pasaran buruh turut menunjukkan perkembangan positif apabila kadar pengangguran terus turun hasil pelbagai inisiatif kerajaan termasuk Skim Jaminan Penjanaan Pekerjaan (JanaKerja) pada 2021 dan JaminKerja Keluarga Malaysia (JaminKerja), tahun ini.

Upah dan gaji bagi sektor pembuatan dan perkhidmatan swasta yang terus memulih, jelas menggambarkan situasi permintaan bagi barangan dan perkhidmatan bagi sebuah ekonomi yang terus pulih dan berkembang.

"Pada 2021, kerajaan menyasarkan penciptaan pekerjaan sebanyak 500,000, tetapi sebanyak 558,633 berjaya diwujudkan melalui pelbagai inisiatif merangkumi pendekatan senegara.

"Berbanding kadar tertinggi 5.3 peratus pada Mei 2020, kadar pengangguran pada April dan Mei lalu kekal pada tahap 3.9 peratus, lebih rendah berbanding unjuran tahun ini iaitu empat peratus," kata laporan berkenaan.

Sementara itu, dasar subsidi negara yang bersifat responsif juga berjaya mengawal indeks kos sara hidup berbanding negara serantau.

Indeks kos sara hidup di negara ini pada 2021 adalah 60 peratus lebih rendah berbanding China dan Singapura, malah kalangan negara ASEAN seperti Brunei dan Filipina menghadapi kos sara hidup lebih tinggi daripada Malaysia.

Dari segi inflasi pula, Malaysia pada Jun lalu merekodkan kadar 3.4 peratus, lebih rendah berbanding negara serantau seperti Thailand sebanyak 7.7 peratus, Singapura (6.7 peratus) dan Indonesia (4.3 peratus).

Sejak mengambil alih pentadbiran negara pada Ogos 2021, Perdana Menteri mengambil tiga pendekatan, iaitu responsif, bertanggungjawab dan reformis dalam menguruskan ekonomi.

Ia bermaksud kerajaan responsif dari segi membantu rakyat dan perniagaan untuk bangkit semula, selain bersifat bertanggungjawab bagi memastikan semua dasar adalah tepat dan cepat tanpa mengorbankan potensi pertumbuhan ekonomi akan datang.

Selain itu, sikap reformis juga diterapkan sebaik mungkin demi memastikan isu struktur ditangani bagi membina daya tahan masa depan.